



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

Bil. 46 / 2023

### **PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN UNDANGAN NEGERI N.67 JEPAK, SARAWAK**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh Hari Penamaan Calon (HPC) **PRK Dewan Undangan Negeri N.67 Jepak, Sarawak pada 21 Oktober 2023 (Sabtu)**.
2. Pada HPC, kertas penamaan calon hendaklah diserahkan dari pukul **9:00 pagi sehingga 10:00 pagi** kepada Pegawai Pengurus di **Pusat Penamaan Calon (PPC)** di **Dewan Suarah Bintulu** oleh pihak-pihak seperti berikut:
  - a. calon, pencadang dan penyokong; **atau**
  - b. mana-mana dua (2) orang daripada mereka; **atau**
  - c. mana-mana seorang daripada mereka.
3. Bagi melancarkan proses penamaan calon, SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK Dewan Undangan Negeri N.67 Jepak, Sarawak agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan **Pejabat Pegawai**

**Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Sarawak sebelum HPC.**

4. Selain itu, bakal-bakal calon disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal dan resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada HPC sebagai bukti pembayaran.
5. Bagi bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik pula hendaklah mengemukakan surat kebenaran penggunaan simbol parti yang diwakili apabila membuat penyerahan Kertas Penamaan Calon.
6. **Setiap bakal calon hanya dibenarkan diiringi oleh seorang pencadang calon dan seorang penyokong calon untuk memasuki PPC.** Penggunaan semua jenis alat muzik ataupun pembesar suara bagi tujuan dakyah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan apa jua jenis kenderaan adalah tidak dibenarkan pada HPC dan merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5].**
7. Orang awam serta penyokong-penyokong yang mengiringi calon adalah **dilarang menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan PPC yang telah ditetapkan.**
8. Calon-calon yang telah membayar deposit bahan kempen pilihan raya sebagaimana diperuntukkan di bawah Akta 5, adalah juga tertakluk kepada undang-undang kecil mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi tujuan **mempamer dan mengedarkan**

**bahan kempen pilihan raya yang mengandungi gambar calon, lambang / simbol parti dan gambar pemimpin parti gabungan / komponen secara bersama atau berasingan yang diwakilinya.**

9. SPR menyeru kepada bakal-bakal calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan proses penamaan calon yang dilaksanakan dapat berjalan dengan baik dan lancar.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

19 Oktober 2023 / 4 Rabiulakhir 1445H